

Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Teks Ucapan Muhyiddin Yassin

Suhaidah Said, Noor Asliza Abdul Rahim, dan Ina Suryani Ab Rahim

Universiti Malaysia Perlis

suhaidah@unimap.edu.my; asliza@unimap.edu.my; inasuryani@unimap.edu.my

ABSTRAK

Teks ucapan merupakan wahana untuk menyampaikan amanat dan mesej dalam pelbagai aspek politik, ekonomi, sosial, serta ideologi kerajaan kepada rakyat. Kebijaksanaan pengucap penting dalam memastikan kesampaian dan kefahaman maklumat kepada rakyat. Kelemahan pengucap dalam menyampaikan ucapan dengan berkesan menyebabkan mesej tidak dapat disampaikan dengan berkesan serta mempengaruhi khalayak dengan ucapannya. Sehubungan itu, sewajarnya pengucap mengetahui, menguasai seterusnya mengaplikasikan strategi komunikasi dalam komunikasinya supaya mesej yang hendak disampaikan lebih berkesan dan menyakinkan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengelaskan jenis strategi komunikasi dalam teks ucapan Muhyiddin Yassin. Data utama kajian merupakan teks ucapan Muhyiddin Yassin ketika menyandang jawatan Perdana Menteri yang bertajuk Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+). Kajian ini dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan kerangka konsep Strategi Komunikasi oleh Asmah Haji Omar (2000) yang menekankan enam strategi komunikasi iaitu perkaitan peranan, perbezaan taraf sosial, kewujudan kuasa, menjaga air muka, kepatuhan pada tajuk atau bidang dan kepatuhan pada peraturan perucapan. Dapatan kajian memperlihatkan kesemua faktor strategi komunikasi digunakan dalam teks ucapan dengan faktor kewujudan kuasa paling kerap digunakan. Hasil kajian ini mendapati bahawa strategi komunikasi digunakan dalam teks ucapan untuk mencapai tujuan sebenar sesuatu perucapan agar mesej dapat disampaikan dengan berkesan seterusnya memberi kefahaman kepada khalayak.

Kata kunci: Strategi komunikasi, perucap, teks ucapan, amanat, mesej

PENDAHULUAN

Pengucapan merupakan sebahagian daripada komunikasi lisan yang penting untuk menyampaikan maksud atau mesej. Ucapan disampaikan dengan pelbagai tujuan, sama ada untuk menyampaikan maklumat, membujuk dan mempengaruhi, menghiburkan atau memenuhi keperluan majlis-majlis khas seperti perutusan khas yang biasanya disampaikan oleh tokoh-tokoh yang berwibawa seperti pemimpin negara. Khairuddin (2012) menjelaskan bahawa ucapan didefinisikan sebagai satu bentuk saluran komunikasi pertuturan dan merupakan jenis karangan berformat yang menggunakan teks bertulis sebagai landasan penyampaiannya. Ucapan juga merupakan medium untuk menyampaikan mesej kepada umum melalui pemberi ucapan tersebut sahaja. Ucapan dapat difahami sebagai komunikasi sehalu yang melibatkan proses kelahiran idea secara lisan yang diujarkan berdasarkan tema atau agenda majlis dan disampaikan secara individu kepada khalayak untuk mencapai matlamat serta tindakan sesuatu.

Menurut McAuley (1992:2) aktiviti berkomunikasi seperti berucap ada di mana-mana dan tidak dapat dielakkan. Namun kurangnya kemahiran berucap bermakna satu kecacatan. Jelaslah bahawa dalam sesuatu proses berucap bukan sekadar menyampaikan mesej semata-mata tetapi mesej tersebut disampaikan dengan cara yang berkesan supaya lebih difahami dan mendapat perhatian sewajarnya daripada pendengar. Oleh yang demikian, strategi komunikasi seharusnya

dipraktikkan oleh pengucap dalam ucapannya. Oleh itu, seseorang pengucap perlulah tahu cara dan strategi berucap dengan baik agar penyampaian ide, hujah dapat disampaikan dengan berkesan dan seterusnya mempengaruhi audiens dalam membuat keputusan. Dalam hal ini kebijaksanaan perucap khususnya pemimpin negara berucap dengan pelbagai strategi akan dapat mempengaruhi rakyat.

Dalam kajian ini ucapan merujuk kepada perutusan khas Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin (TSMY) kepada khalayak ketika beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri ke-8. Steger et al. (dalam Renkema, 1993), menyenaraikan beberapa bentuk ucapan, seperti perutusan, laporan, persembahan, perbualan, temu bual, dan perbahasan umum. Beliau menjelaskan bahawa wacana perutusan mempunyai penutur tunggal, tema ditentukan dahulu, kedudukan tidak serata dan tema disampaikan secara deskriptif. Oleh itu, kajian akan menfokuskan terhadap teks perutusan yang disampaikan oleh Perdana Menteri sebagai wahana pemerintah untuk menyampaikan amanat dan mesej dalam pelbagai aspek wacana politik, ekonomi, sosial serta ideologi kerajaan kepada rakyat. Menurut Harshita et.al (2021), pemanfaatan pelbagai wacana dalam teks perutusan dapat mencerminkan emosi, matlamat dan pemikiran pemimpin dalam usaha untuk meyakinkan rakyat. Perutusan khas ini juga dilihat sebagai salah satu bentuk wacana kepimpinannya dan menjadi komunikasi langsung antara beliau dengan rakyat. Perutusan Khas Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) disampaikan semasa negara bergelut dengan ancaman COVID 19 yang mana menyaksikan sistem ekonomi rakyat khususnya berada dalam situasi yang sangat membimbangkan. Oleh itu, bagi menghadapi tempoh Perintah Kawalan Pengerakan yang menyekat segala bentuk aktiviti khususnya dalam aspek ekonomi rakyat ini, maka kebijaksanaan Perdana Menteri sangat diperlukan dalam menangani emosi dan kebajikan rakyat terjaga. Oleh itu, kebijaksanaan pemimpin penting dalam memastikan kepercayaan rakyat terhadap bentuk kepimpinannya tidak goyah. Kelemahan pemimpin dalam menyampaikan ucapan dengan berkesan akan menyebabkan mesej dan ideologi yang hendak disampaikan tidak akan berkesan. Sehubungan itu, perutusan yang disampaikan dapat mempengaruhi pemikiran, kepercayaan dan penerimaan rakyat terhadap usaha-usaha yang telah dirancang. Oleh itu, sewajarnya perucap perlu mengetahui dan menggunakan strategi komunikasi yang tepat supaya mesej yang hendak disampaikan lebih berkesan.

Kajian tentang penggunaan strategi komunikasi dalam teks ucapan masih kurang dilakukan. Penggunaan teks ucapan sebagai korpus juga belum banyak. Kajian teks ucapan kebanyakannya lebih cenderung kepada kajian retorik seperti kajian Lee Ai Chat (2001) dan Chai Nyun Chow (2020), atau kajian wacana analisis kritis oleh Rahim Aman dan Norfazila Ab. Hamid (2015). Kajian lakuan pertuturan dalam teks ucapan juga dilakukan oleh Indirawati Zahid & Muhammad Nazri Selamat (2022), Harshita Aini Haroon et.al (2020), Aminnuddin Saimon et.al (2021), Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya & Rohaidah Haron (2021), serta Maisarah Ahmad Kamil dan Fatin Fatinah Shamshul Bahrn (2020). Memandangkan kajian strategi komunikasi dalam teks ucapan kurang dalam bidang linguistik Melayu, maka kajian ini dapat membantu kita memahami strategi komunikasi dengan lebih mendalam. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan dalam teks ucapan Muhyiddin dan menjelaskan penggunaan strategi komunikasi berdasarkan Strategi Komunikasi Asmah Haji Omar (2000).

Asmah (1995, 2010), mentakrifkan strategi komunikasi sebagai kaedah yang digunakan oleh pemeran untuk mencapai tujuan tertentu. Menurut Jamaliah Mohd Ali (1995), menjelaskan strategi komunikasi sebagai cara peserta memasuki dan mengolah interaksi mereka untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Strategi komunikasi menurut pandangan Corder (1983) juga berkait rapat antara tujuan dan maksud penutur. Tarone (1983) pula berpendapat bahawa strategi komunikasi merupakan tentatif antara penyampai dan penerima mesej untuk mencapai objektif komunikasi yang diinginkan. Manakala Ab. Razak Ab. Karim (2000) menjelaskan strategi komunikasi bermaksud kaedah yang digunakan oleh peserta bagi mencapai sesuatu tujuan.

Konflik ini secara tidak langsung mempengaruhi aspek kesopanan peserta semasa berhujah kerana masing-masing berusaha untuk memenangi proses interaksi tersebut walau dalam apa cara sekalipun.

SOROTAN LITERATUR

Lee Ai Chat (2001) dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Teks Ucapan Politik Bahasa Melayu Dari Segi Retorik: Satu Kajian Kes Terhadap Ucapan Politik Dr Mahathir Mohamad telah menganalisis teknik-teknik retorik dalam ucapan politik. Beliau telah menganalisis tiga buah teks ucapan Mahathir menggunakan kaedah analisis wacana gabungan berpandukan kerangka teori analisis wacana Grimes (1975). Kajian mendapati bahawa terdapat 13 teknik retorik dan 37 subgolongan teknik-teknik retorik telah dimanfaatkan oleh Mahathir dalam ucapan. Kajian wacana analisis kritis politik telah dijalankan oleh Rahim Aman dan Norfazila Ab. Hamid (2015) iaitu Strategi Wacana Komunikasi dalam Teks Ucapan Tengku Razaleigh Hamzah: Satu Analisis Kebahasaan. Pengkaji menjelaskan satu proses kepimpinan yang tumpat dalam wacana iaitu praktis kepimpinan. Pengkaji berpendapat bahawa Tengku Razaleigh Hamzah telah mengemblend wacana untuk menarik perhatian masyarakat terutamanya ahli parti terbabit. Pemantapan dalam berhujah akan meyakinkan rakyat atau ahli yang dipimpin tentang kecekapan beliau dalam memimpin parti. Pengkaji menjelaskan bahawa seseorang pemimpin seperti Tengku Razaleigh Hamzah perlu pandai berhujah dan bijak menyusun kata supaya pucuk pimpinan tidak dikatakan lemah. Hasil kajian yang diperoleh pengkaji membuktikan bahawa ucapan atau hujah yang disampaikan dalam sesuatu majlis lebih menekankan dan menonjolkan keperibadian pewacana sebagai seorang pemimpin.

Faktor kesopanan dan strategi komunikasi dalam genre perbincangan di televisyen merupakan kajian Rohaidah Mashudi et.al (2013). Penelitian terhadap faktor penggunaan kesopanan dan strategi komunikasi yang terdapat dalam peristiwa bahasa dijelaskan dan dianalisis mengikut pendekatan Asmah Hj Omar (2020). Pengkaji memilih tiga genre perbincangan interaktif daripada Forum Hal Ehwal Islam yang disiarkan di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) saluran perdana TV1 dan direkodkan sebagai teks kajian. Hasil kajian ini didapati bahawa perbincangan interaktif dalam televisyen dapat mencapai tujuan berbincangan melalui strategi komunikasi yang ditandai dengan kesopanan seterusnya dapat mewujudkan komunikasi yang berkesan.

Kajian yang telah dilakukan oleh Chai Nyun Chow (2020) telah memberikan tumpuan kepada penggunaan retorik dalam teks ucapan politik Tun Mahadhir Muhamad pasca kemenangan pakatan harapan. Kajian ini dijalankan untuk melihat teknik penggunaan retorik dan kekerapan strategi retorik yang diaplikasikan dengan menggunakan teori retorik Aristotle ethos, pathos dan logos sebagai kerangka teori. Sebanyak enam buah ucapan yang dianalisis dengan menggunakan pendekatan kualitatif kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa Tun Mahadhir telah mengaplikasikan kesemua retorik dalam ucapannya. Pengkaji juga mendapati logos lebih domain dimanfaatkan dalam teks ucapan politik manakala ethos kurang menonjol.

Kajian seterusnya oleh Harshita Aini Haroon, Noor Asliza Ab Rahim, Noriha Basir dan Zaliza Zubir (2020) yang mengemukakan analisis penggunaan lakuan tutur (LR) sebagai satu strategi hujahan yang berkesan. Data kajian menggunakan dua teks uaputama Zahid Hamidi iaitu teks Perasmian Perhimpunan Agung UMNO 2017 (PAU2017) yang berlaku sebelum pilihan raya umum ke -14 (PRU14) dan uaputama dalam Perhimpunan Agung Umno 2018 yang diadakan selepas kekalahan parti dalam PRU14. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis penggunaan aspek lakuan tutur pengucap dengan bertunjangkan kerangka teori Bach dan Harnish (1979). Hasil kajian mendapati bahawa keempat-empat LT, iaitu LT Pengumuman (Constatives), Arahan (Directives), Perjanjian (Commissives) dan Perakuan (Acknowledgements) diaplikasikan oleh pengucap. LT Pengumuman dan LT Arahan telah digunakan secara khusus dalam PAU 2017

berbanding PAU 2018. Manakala LT Perjanjian dan LT Perakuan lebih kerap diaplikasi dalam PAU 2018 berbanding PAU 2017.

Kajian penggunaan strategi dan teknik komunikasi juga ditemui dalam perbicaraan mahkamah yang dilakukan oleh Mohd Azam Ahmad (2012). Pengkaji mengaplikasikan kerangka konsep teknik perundingan serta strategi komunikasi dan kesopanan Asmah Haji Omar (2000). Kerangka konsep ini digunakan untuk melihat wacana peristiwa bahasa dalam perbicaraan di Mahkamah Sivil. Beliau mendapati bahawa strategi komunikasi yang digunakan oleh peserta dalam sesebuah perbicaraan di mahkamah ada bertujuan membantu mereka mencapai matlamat iaitu memenangi kes. Manakala penggunaan teknik komunikasi pula dapat membantu peserta berhujah sama ada dengan tujuan untuk memberi makluman, mendakwa, membela tertuduh, atau sebagainya dengan lebih baik dan berkesan.

Kajian yang dilakukan oleh Aminnudin Saimon et.al (2021) yang bertajuk lakuan bahasa arahan dalam teks ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan kajian tentang aspek lakuan bahasa dalam wacana berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengkaji telah menganalisis lakuan bahasa sebagai strategi penghujahan yang berkesan dalam wacana. Data kajian ini adalah berdasarkan empat teks ucapan yang diambil pada fasa pertama, kedua, ketiga dan keempat PKP. Pengkaji menggunakan kerangka teori oleh Bach dan Hanish (1979). Terdapat enam lakuan bahasa arahan yang diaplikasi dalam teks ini iaitu permintaan, keperluan, pertanyaan, larangan, nasihat dan permisif. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa lakuan bahasa arahan menunjukkan kekuasaan yang ada pada Perdana Menteri yang menuntut rakyat Malaysia mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menghadapi pandemik COVID-19 sejajar dengan tujuan ucapan tersebut.

Seterusnya kajian Muhammad Faizul Abd Hamid & Mohd Azidan Abdul Jabar (2020) yang bertajuk penghuraian strategi wacana teks ucapan belanjawan 2019. Pengkaji menggunakan kerangka teoritikal analisis wacana kritis oleh Fairclough (1995, 2007, 2013). Pengkaji memberi tumpuan kepada dua unsur binaan amalan wacana iaitu unsur intertekstualiti dan unsur interdiskursiviti. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pembinaan unsur intertekstualiti melibatkan tiga unsur intertekstualiti seperti representasi wacana, metawacana dan praandaian. Unsur intertekstualiti representasi wacana paling kerap digunakan dalam teks belanjawan 2019. Bagi unsur interdiskursiviti pula pengkaji mendapati pewacana telah menggembeleng empat jenis wacana lain seperti ekspositori, eksplanatori, argumentatif dan ekspresif. Pengkaji mendapati penggunaan ekspositori dilihat paling dominan berbanding jenis interdiskursiviti lain. Gembelengan keempat-empat unsur interdiskursiviti ini telah mempamerkan variasi penyampaian sesuatu informasi dalam teks ucapan Belanjawan 2019.

Sementara Tengku Shahrolnizam dan Rohaidah Haron (2021) mengkaji daya ujaran dalam wacana perutusan Perdana Menteri mengenai COVID-19. Pengkaji menerapkan kaedah analisis tekstual dalam penelitian aspek daya ujaran. Dengan berpandukan konsep daya ujaran (*speech act*) oleh Fairclough (1989), pengkaji mendapati wujud lima bentuk daya ujaran yang digembeleng oleh pewacana iaitu daya ujaran doa, daya ujaran peringatan (amaran), daya ujaran suruhan, daya ujaran pernyataan dan daya ujaran ajakan. Kelima-lima bentuk daya ujaran ini telah digembeleng oleh pewacana terutama dalam memastikan kebolehsampaian maklumat berkaitan COVID-19 kepada rakyat. Secara umumnya, jika dilihat daripada kajian-kajian dahulu, tidak banyak kajian yang memperincikan strategi komunikasi yang digunakan dalam teks ucapan. Strategi komunikasi dalam ucapan politik banyak dilakukan di luar negara dengan melihat dari pelbagai aspek namun di Malaysia, kebanyakan kajian teks ucapan politik lebih menjurus kepada aspek penggunaan bahasa itu sendiri seperti retorik dan sebagainya. Sehubungan itu diharap kajian ini dapat memberikan sumbangan dan rujukan dalam aspek strategi komunikasi khususnya dalam teks ucapan pemimpin.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian deskriptif ini bertujuan mengkaji penggunaan strategi komunikasi dalam teks ucapan Muhyiddin Yassin. Data yang dipilih merupakan teks ucapan bertajuk Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+). Teks ucapan telah dimuat turun melalui laman web rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia <https://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=muhiddin&id=4663>, dikutip pada 1 Jun 2023. Pendekatan kualitatif digunakan untuk menganalisis kandungan teks keputusan khas Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin. Teks Keputusan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) disampaikan secara langsung pada 31 Mei 2021 kepada seluruh rakyat Malaysia menerusi saluran televisyen Malaysia. Bagi mengenal pasti dan menjelaskan strategi komunikasi yang digunakan dalam teks ucapan ini pengkaji memilih kerangka teori Strategi Komunikasi oleh Asmah Haji Omar (2000) bagi mencapai objektif kajian. Pemilihan kerangka teori bersesuaian untuk mengkaji komunikasi lisan berbentuk ucapan yang menekankan enam strategi komunikasi iaitu perkaitan peranan, perbezaan taraf sosial, kewujudan kuasa, menjaga air muka, kepatuhan pada tajuk atau bidang dan kepatuhan pada peraturan perucapan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Asmah Haji Omar (2000) telah mengemukakan enam strategi ini melibatkan faktor-faktor yang berikut iaitu perkaitan peranan, perbezaan taraf sosial, kewujudan kuasa, menjaga air muka, kepatuhan pada tajuk atau bidang dan kepatuhan pada peraturan perucapan. Berdasarkan analisis, dapatan memperlihatkan penggunaan kelima-lima strategi komunikasi dalam teks keputusan TSMY.

Perkaitan Peranan

Dalam sesebuah perucapan, Renkema (1993), menjelaskan bahawa wacana keputusan mempunyai penutur tunggal, tema ditentukan dahulu, kedudukan tidak serata dan tema disampaikan secara deskriptif. Menurut Asmah (2000), tidak ada peranan yang berdiri sendiri yang tidak dilihat dalam konteks peranan yang lain. Ucapan merupakan komunikasi sehalu tanpa berlakunya interaksi antara perucap dan khalayak. Perkaitan peranan dalam konteks ini hanya melibatkan perucap dan rakyat secara sehalu. Perucap memainkan peranan penting untuk menyampaikan perancangan dan hala tuju kerajaan kepada rakyat yang disampaikan secara langsung. Secara tidak langsung perucap mempunyai kuasa yang tinggi dalam menentukan perjalanan majlis keputusan tersebut. Dalam hal ini, rakyat yang bertindak sebagai khalayak pendengar faham akan peranan perucap sebagai penyampai maklumat yang diperlukan oleh mereka. Pengakuan adanya perkaitan peranan ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

1. *Saudara dan saudari, rakyat Malaysia yang saya kasihi*
2. *Tuan-tuan Puan-puan sekalian*
3. *Saudara-saudari yang saya kasihi sekalian*

Berdasarkan contoh (1), (2) dan (3) jelas menunjukkan setiap peranan, iaitu perucap dan rakyat sebagai khalayak mengakui peranan masing-masing. Ini dapat dilihat daripada penggunaan kata panggilan yang sesuai untuk setiap pemeran yang terlibat, iaitu *saudara-saudari*, *tuantuan dan puan-puan* yang ditujukan kepada rakyat yang menjadi khalayak utama dalam majlis tersebut. Dalam hal ini, pemeran utama memahami peranan utama yang perlu dimainkan oleh beliau bagi memastikan mesej yang hendak disampaikan kepada khalayaknya dapat difahami dan diterima dengan baik oleh khalayaknya. Menurut Asmah, pengakuan peranan seperti ini jelas memenuhi premis komponen komunikasi Dell Hymes (dalam Saville Troike, 1991) iaitu "*siapa bercakap dengan siapa*". Dalam hal ini, strategi penggunaan kata panggilan yang sopan dapat membantu

perucap mencapai matlamatnya untuk menyakinkan khalayak pendengar yang terdiri daripada seluruh rakyat yang terdiri daripada pelbagai status sosial.

Perbezaan Taraf Sosial

Menurut Asmah (2000), kesedaran terhadap pangkat seseorang penting kerana ia merujuk kepada kedudukan mereka dalam masyarakat dari segi kedudukannya dalam tata tingkat sosial (seperti mempunyai gelar Tun, Tan Sri, Datuk) atau mempunyai pangkat dalam jawatannya (seperti Ketua Pengarah, Hakim dan sebagainya). Kesedaran ini dapat dihubungkan dengan komponen "*Siapa bercakap dengan siapa*". "*Siapa bercakap dengan siapa*" seperti yang diungkapkan oleh Hymes (1974) berkait rapat dengan wujudnya perbezaan taraf sosial antara pemeran. Dalam konteks Perutusan, perbezaan taraf sosial dapat dilihat dari aspek rujukan kehormat atau panggilan hormat yang digunakan oleh perucap. Awang Sariyan (2007), menjelaskan bahawa panggilan hormat ialah bentuk sapaan kepada seseorang menurut gelar dan jawatannya. Kata sapaan ini dikenakan kepada sasaran menurut taraf sosialnya sama ada mempunyai gelaran tertentu atau tidak (Asmah, 2009). Sehubungan itu, perucap memahami hubungannya dengan khalayak pendengarnya yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan status sosial yang pelbagai. Antara contoh kata sapaan yang digunakan kepada khalayak pendengar adalah seperti berikut:

1. **Saudara dan saudari**, rakyat Malaysia yang saya kasihi
2. **Saudara dan saudari** yang saya kasihi sekalian
3. **Tuan-tuan Puan-puan** sekalian
4. *Sepertimana yang **saya** telah tegaskan sebelum ini, penutupan sektor-sektor ekonomi akan memberi kesan yang amat besar kepada ekonomi negara dan kehidupan rakyat.*
5. **Saya** merayu, supaya rakyat yang telah mendapat tempahan vaksin untuk hadir di mana-mana pusat pemberian vaksin yang ditetapkan.
6. *Saya juga telah mengarahkan **YB Menteri MOSTI** untuk mempercepatkan pemberian vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan atau PICK.*

Menurut Awang Sariyan (2015), kata ganti nama *saya* merupakan ganti nama yang paling umum dan luas penggunaannya. Kata ini digunakan dalam suasana dan urusan rasmi secara umum. Menurutnyanya lagi kata ganti nama ini bersifat neutral dan sesuai digunakan oleh sesiapa jua yang berbicara atau yang merujuk kepada dirinya sewaktu berkomunikasi baik dalam komunikasi lisan mahupun komunikasi tulisan rasmi. Dalam ayat (4) dan (5) dapat dilihat perucap sebagai pemimpin negara menggunakan ganti nama *saya* dalam teks ucapan. Manakala kata ganti nama kepada khalayak atau rakyat, perucap menggunakan panggilan saudara dan saudari serta tuan-tuan puan-puan seperti dalam ayat (1) dan (2). Pangkat sosial pula merujuk kepada kedudukan pemeran dalam masyarakat dari segi pangkatnya dalam tatattingkat sosial (seperti mempunyai gelar Tun, Tan Sri, Datuk) atau pangkat dalam jawatan atau tugasnya (seperti Ketua Pejabat, Pengarah, Hakim dan sebagainya) (Asmah Hj Omar, 2000). Hal ini dapat dilihat dalam ayat (6) iaitu penggunaan *YB Menteri MOSTI*. Berdasarkan contoh di atas dapat dijelaskan bahawa penggunaan kata panggilan ini mengikut kedudukan sosial masing-masing. Kesedaran ini seperti yang diringkaskan dalam premis *Siapa bercakap dengan siapa* (Asmah, 2000:97).

Kewujudan Kuasa

Kewujudan kuasa merujuk kepada kesedaran akan adanya kuasa pada peranan dan taraf tertentu dalam kalangan pemeran dan pihak-pihak tertentu (Asmah Hj Omar, 2000). Justeru dalam teks ucapan ini terdapat pemeran yang menunjukkan kuasa yang sangat jelas iaitu perucap. Hal ini kerana perucap selaku Perdana Menteri mempunyai kuasa dalam membuat keputusan serta menyampaikan mesej kepada rakyat. Perhatikan contoh di bawah:

1. *Kerajaan akan **melaksanakan** Perintah Kawalan Pergerakan yang lebih ketat atau total lockdown untuk tempoh dua minggu bermula esok 1 Jun hingga 14 Jun 2021.*

2. Kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk **memastikan** wujud keseimbangan antara *lives and livelihood* iaitu keperluan untuk melindungi nyawa, dan menjamin kesejahteraan rakyat termasuk peluang saudara- saudari mencari nafkah untuk keluarga tersayang sepanjang tempoh PKP ini.
3. Sehubungan itu, kerajaan **bersetuju** untuk menambah peruntukan 1 billion ringgit bagi meningkatkan kapasiti dan memperkukuhkan kesihatan awam.
4. Saya juga telah **mengarahkan** YB Menteri MOSTI untuk mempercepatkan pemberian vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan atau PICK.
5. Oleh itu, saya telah **mengarahkan** supaya aset-aset Kerajaan seperti bas, van dan kenderaan pool digerakkan bagi tujuan ini.
6. Sehubungan itu, kerajaan **bersetuju** untuk memperuntukkan 2.1 billion ringgit bagi menambah Bantuan Prihatin Rakyat atau BPR.
7. Seterusnya saya juga **mendengar** permintaan rakyat supaya kerajaan menimbang semula pemberian moratorium.
8. Saya juga **menyarankan** supaya agensi dan syarikat kerajaan menawarkan penangguhan bayaran balik pinjaman serta diskaun sewa premis perniagaan.
9. Seterusnya, kerajaan akan **melanjutkan** pemberian diskaun bil elektrik kepada sektor yang terjejas.
10. Kerajaan juga **bersetuju** memberi potongan khas kepada pemilik bangunan dan ruang perniagaan yang menawarkan pengurangan sewa premis perniagaan kepada PKS dan bukan PKS untuk tempoh 6 bulan lagi sehingga 31 Disember 2021 bagi pengurangan sewa sekurang-kurangnya 30% daripada kadar sewa semasa.
11. Semasa pembentangan pakej PENJANA pada Jun 2020, kerajaan telah **mengumumkan** pengecualian duti setem Kempen Pemilikan Rumah atau HOC yang akan berakhir pada hari ini, 31 Mei.
12. Sukacita **diumumkan** Kerajaan bersetuju melanjutkan pengecualian duti setem HOC tersebut sehingga 31 Disember 2021.
13. Kerajaan juga **bersetuju** melanjutkan pengecualian cukai jalan ke atas kenderaan penumpang CDK dan CBU import yang sebelum ini diumumkan di bawah inisiatif PENJANA mulai 1 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2021.
14. Saudara dan saudari **dikehendaki** duduk di rumah – stay at home – saya ulangi stay at home – dan sentiasa patuh kepada SOP.

Berdasarkan dapatan di atas, jika dilihat daripada penggunaan kata kerja dan maksud secara keseluruhannya jelas menunjukkan satu suruhan atau arahan perucap selaku ketua kerajaan Malaysia yang mempunyai kuasa dalam mentadbir negara. Menurut Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof dan Karim Harun (2017) ayat suruhan biasanya digunakan oleh penutur yang mempunyai status yang lebih tinggi daripada pendengar. Ayat (1) iaitu penggunaan *melaksanakan* memperlihatkan bidang kuasa perucap selaku Perdana Menteri melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lebih ketat atau *total lockdown*. Dapatan daripada ayat (3), (6), (10), (12) dan (13) iaitu kata kerja *bersetuju* menunjukkan bahawa perucap mempunyai kuasa untuk bersetuju atau tidak dalam melaksanakan sesuatu perkara.

Penggunaan kata kunci *mengarahkan* seperti contoh (4) dan (5) jelas menunjukkan perlakuan menyuruh atau mengarah oleh penutur yang ditujukan kepada pendengar atau orang kedua dalam ayat tersebut. Ungkapan yang menunjukkan kuasa sebagai pemerintah negara yang digunakan oleh perucap sangat jelas dan mudah difahami.

MENJAGA AIR MUKA

Air muka mempunyai peranan bukan setakat masa berlangsung komunikasi, tetapi menjangkau ruang lingkup yang lebih daripada itu. Air muka pada asasnya membawa pengertian yang mendalam yang meliputi didikan individu yang terlibat yang diperolehi daripada ibu bapa, guru dan kaum keluarganya, serta juga maruahnyanya dan maruah keluarganya (Asmah Hj Omar, 2000). Menurut beliau lagi, menjaga air muka bahasanya hendaklah sopan, sekurang-kurangnya tidak mempunyai kata-kata kesat, mencarut, memaki, keji-mengeji dan sebagainya. Dalam komunikasi

sehala menjaga air muka ditandai dengan penggunaan bahasa sopan yang digunakan oleh perucap. Goffman (Noraiti A. Rashid, 2007) mentakrifkan muka sebagai suatu nilai yang positif yang dituntut oleh seseorang daripada pihak lain dalam sesuatu interaksi. Penggunaan bahasa yang sopan ialah penggunaan bahasa yang biasa yang tidak membangkitkan kemarahan, kegusaran, rasa kecil hati, perasaan tersinggung dan sebagainya. Perhatikan contoh berikut:

1. *Ini terutamanya bagi memastikan kesejahteraan dan kelangsungan hidup **golongan rentan** dan pekerja yang bergantung kepada upah harian dapat terus dibantu.*
2. ***Saudara dan saudari**, rakyat Malaysia yang saya kasihi*
3. ***Tuan-tuan Puan-puan** sekalian*
4. ***Saudara-saudari** yang **saya** kasihi sekalian*

Perucap menggunakan bahasa yang sopan seperti contoh (1) iaitu *golongan rentan* dalam ucapannya. Merujuk kepada United Nation Electronic Government Development Index Survey (UNEG-DI) golongan rentan atau *vulnerable groups* terdiri daripada wanita, warga emas, orang kelainan upaya (OKU), orang miskin, belia, pelarian atau imigran. Penggunaan bahasa sopan atau cakap berlapik ini membolehkan air muka kedua-dua pihak terjaga. Selain itu, menurut Faridah, Ratna Laila dan Faiziah (2015) dalam masyarakat Melayu, air muka juga dijaga dengan mematuhi bahasa sapaan yang betul. Kesilapan bahasa sapaan, sama ada disengajakan atau tidak, boleh mengakibatkan salah faham, pertengkaran atau menjatuhkan air muka orang yang dilawan bercakap. Dalam contoh (2), (3) dan (4) dapat dilihat perucap menggunakan kata ganti nama yang sesuai dengan konteks seperti *saudara-saudari*, *tuan-tuan puan-puan* untuk memuliakan orang yang dilawan bercakap dan secara tidak langsung air muka perucap dan khalayak terpelihara.

Kepatuhan Kepada Tajuk Atau Bidang

Kepatuhan kepada tajuk atau bidang merupakan salah satu ciri kesopanan dalam peristiwa bahasa perucapan kerana sifatnya yang sudah dirancang lebih awal oleh pihak tertentu (Asmah, 2000). Menurut Ab. Razak (2006), kepatuhan kepada tajuk amat penting supaya sesuatu perkara yang tidak penting atau tidak berkaitan tidak dibincangkan atau dimasukkan dalam perjanjian. Teks ucapan dalam kajian ini mempunyai tujuan yang jelas iaitu mengumumkan program bantuan PEMERKASA Tambahan atau PEMERKASA Plus sebagai inisiatif terbaharu Kerajaan untuk membantu meredakan cabaran yang dihadapi, terutamanya ekor pelaksanaan PKP. Contoh kepatuhan kepada tajuk adalah seperti berikut:

*Nilai keseluruhan program PEMERKASA Plus adalah berjumlah 40 billion ringgit, di mana suntikan langsung fiskal kerajaan sebanyak 5 billion ringgit. Langkah baharu PEMERKASA Plus akan dilaksanakan berlandaskan 3 matlamat utama seperti berikut:
Pertama: Mempertingkatkan Kapasiti Kesihatan Awam;
Kedua: Meneruskan Agenda Prihatin Rakyat; dan
Ketiga: Menyokong Kelangsungan Perniagaan*

Perucap mengumumkan program bantuan PEMERKASA Tambahan berlandaskan tiga matlamat utama sebagai usaha Kerajaan meneruskan agenda prihatin rakyat dan komitmen Kerajaan dalam menguruskan krisis yang melanda. Secara tidak langsung, menunjukkan perucap patuh kepada tajuk.

Kepatuhan Kepada Peraturan Perucapan

Semua jenis perbincangan dan peraturan mempunyai peraturan sendiri (Asmah Hj Omar, 2000). Justeru, perucap patuh kepada peraturan perucapan iaitu perlu ada pendahuluan, isi dan penutup. Bahagian pendahuluan perucap memberi salam/ucap selamat diikuti sapaan kepada khalayak dan seterusnya menyampaikan tujuan ucapan tersebut. Bahagian isi dimulakan dengan kata-kata seperti *saudara-saudari*, *hadirin sekalian* dan sebagainya sebelum menyentuh isi-isi utama dan pecahan isi. Seterusnya di bahagian penutup diselitkan kenyataan yang diingati

sebelum diakhiri dengan penyudah bicara. Contoh pendahuluan, isi dan penutup seperti di bawah:

Pendahuluan : *Bismillahirrahmannirrahim,*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Saudara dan saudari, rakyat Malaysia yang saya kasihi,

Isi: *Nilai keseluruhan program PEMERKASA Plus adalah berjumlah 40 billion ringgit, di mana suntikan langsung fiskal kerajaan sebanyak 5 billion ringgit. Langkah baharu PEMERKASA Plus akan dilaksanakan berlandaskan 3 matlamat utama seperti berikut:*

Pertama: Mempertingkatkan Kapasiti Kesihatan Awam;

Kedua: Meneruskan Agenda Prihatin Rakyat; dan

Ketiga: Menyokong Kelangsungan Perniagaan

Penutup: *Marilah kita bersama-sama panjatkan doa ke hadrat Allah s.w.t mudahmudahan wabak yang sedang melanda negara kita dan seluruh dunia pada masa ini segera berakhir.*

Wabillahi al-taufik walhidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh

Berdasarkan contoh petikan di atas dapat dilihat peraturan perucapan dipatuhi oleh perucap. Dapat diperhatikan sesi perucapan diawali dengan ucapan salam/ucap selamat bagi menarik perhatian dan tumpuan khalayak yang menonton. Perucap memulakan ucapannya dengan mengupas tujuan atau isi-isi utama yang bersesuaian dengan tajuk yang telah ditetapkan, iaitu membicarakan tentang hala tuju dan perancangan kerajaan dalam menangani isu ekonomi dalam negara semasa berdepan pandemik COVID-19. Manakala pada bahagian penutup, perucap mengakhiri dengan penyudah bicara di bahagian penutup dengan menggunakan elemen doa sebagai strategi untuk menunjukkan rasa tanggungjawab, keperihatinan dan pengharapan beliau terhadap pelan pemulihan ekonomi yang dirangka akan dapat mengatasi permasalahan yang dihadapi oleh negara dan rakyat dan seterusnya diakhiri dengan penggunaan ungkapan rabbani *Wabillahi al-taufik walhidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh*. Dengan adanya penggunaan ungkapan tersebut, bermakna perucap akan mengakhiri penyampaian ucapannya.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa kesemua strategi komunikasi diaplikasi dalam teks ucapan Muhyiddin Yassin berdasarkan kerangka teori Asmah Hj Omar (2000), iaitu berkaitan peranan, perbezaan taraf sosial, kewujudan kuasa, menjaga air muka, kepatuhan pada tajuk atau bidang dan kepatuhan pada peraturan perucapan. Dapatan kajian menunjukkan perucap banyak menggunakan strategi faktor kewujudan kuasa dalam ucapannya. Hal ini bersesuaian dengan peranan yang dimainkan oleh beliau sebagai orang kedua terpenting dalam negara dan semestinya beliau mempunyai kuasa yang tinggi dalam membuat sesuatu keputusan selepas dibincangkan bersama ahli-ahli kabinetnya. Teks ucapan yang banyak menggunakan lakuan bahasa arahan amat bersesuaian dengan status perucap sebagai Perdana Menteri. Hal ini kerana, peristiwa bahasa perucapan sememangnya memerlukan perucap membina dan merangka strategi komunikasi yang tegas bagi memastikan matlamat penyampaian ucapannya dapat difahami dan diterima oleh rakyat seterusnya dapat menyakinkan rakyat akan usahausaha yang dirancang akan dapat direalisasikan oleh pihak kerajaan. Menurut Asmah (2000), kejayaan perucap dalam komunikasinya bergantung pada kemahiran mereka mengaplikasikan penggunaan strategi komunikasi yang berkesan dan sesuai kerana tanpa teknik penyampaian yang baik, sesuatu perucapan tidak akan berkesan untuk meyakinkan pendengar. Ringkasnya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa dalam teks ucapan politik penggunaan strategi perlu dititikberatkan untuk menyampaikan mesej agar maksud bersama tercapai malahan penggunaan strategi juga akan mempengaruhi kualiti maklumat kepada sasaran.

RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim .(2006). *Warkah Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminnudin Saimon, Lisa Licson, Nur Aisyah Mohamad Taufek, Siti Hajar Japar dan Siti Nor Asmira Razali. (2021). Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana Menteri Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Pendeta Jurnal of Malay Language, Education and Literature*. 12(1), 63-77.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2015). *Santun Berbahasa Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chai Nyun Chow. (2020). Penggunaan Retorik Dalam Ucapan Politik Tun Mahathir Bin Mohamad Pasca Kemenangan Pakatan Harapan. Tesis sarjana muda, Universiti Malaysia Sarawak.
- Corder, S.P. (1983). *Error Analysis and Interlanguage* . Oxford : Oxford University Press.
- Faridah Nazir, Ratna Laila Shahidin dan Faiziah Shamsudin. (2015). *Kesantunan Masyarakat Malaysia*. Selangor: Sasbadi Sdn Bhd.
- Hymes, D. (1974). *Foundations in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Harshita Aini Haroon, Noor Asliza Ab Rahim, Noriha Basir dan Zaliza Zubir. (2020). Lakuan Ilokusi Ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Volume 20(2), May 2020 <http://doi.org/10.17576/gema-20202002-06>.
- Harshita Aini Haroon, Noor Asliza Ab Rahim, Noriha Basir dan Zaliza Zubir. (2021). Interdiskursiviti dalam Perutusan Arahan Kerajaan Berkaitan COVID-19. *GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 21(4)*, November 2021 <http://doi.org/10.17576/gema-2021-2104-03>. eISSN: 2550-2131 ISSN: 1675-8021 38.
- Indirawati Zahid dan Muhammad Nazri Selamat (2022). Strategi dan Kesantunan Melayu dalam Kritikan Mentor: Rancangan Realiti Televisyen. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Volume 18(2), May 2018 <http://doi.org/10.17576/gema-2018-180210>.
- Hymes, D. (1974). *Foundations in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Jamaliah Mohd. Ali. (1995). *Malaysian Student Seminar: A Study Of Pragmatic Features In Verbal Interaction*. Kuala Lumpur: Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Khairuddin Mohammad. (2012). *Bahasa Melayu Komunikatif Siri Pengajian Bahasa Melayu*. Selangor: Penerbit Multimedia.
- Lee Ai Chat (2001). *Analisis Teks Ucapan Politik Bahasa Melayu Dari Segi Retorik: Satu Kajian Kes Terhadap Ucapan Dr. Mahathir Mohamad*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Maisarah Ahmad Kamil dan Fatin Fatinah Shamsul Bahrn. (2020). A Speech Act Analysis Of The Prime Minister's Speech Pertaining To The Movement Control Order (MCO) To Address The COVID-19 Pandemic In Malaysia. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*. 4(4) 1-13. e-ISSN: 2600-7266.
- McAuley, J.G. (1992). *Komunikasi Antara Manusia: Ciri-Ciri Penting Dalam Komunikasi Peribadi Dan Komunikasi Awam* (terj. Mohd Saar Hashim & Fatimah Yusoo). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azam Ahmad. (2012). *Strategi Dan Teknik Komunikasi Perbicaraan Mahkamah: Analisis Pragmatik*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Muhammad Faizul Abd Hamid dan Mohd Azidan Abdul Jabar. (2020). Penghuraian Strategi Wacana Teks Ucapan Belanjawan 2019. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Volume 20(2), May 2020 <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-14>.

- Noriati A. Rashid. (2007). *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahim Aman dan Norfazila Ab. Hamid. (2015). Strategi Wacana Komunikasi Teks Tengku Razaleigh Hamzah: Satu Analisis Kebahasaan. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 31(1) 2015: 205-220.
- Renkema, J. (1993). *Discourse Studies: An Introductory Textbook*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Rohaidah Mashudi, Ahmad Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz dan Hasnah Mohamad. (2013). Faktor Kesopanan Dan Strategi Komunikasi Dalam Genre Perbincangan Di Televisyen. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol 13(3), 163-178.
- Tarone, E. (1983). *Some Thought On The Nation Of Communication Strategy* dlm. C. Faerch & G. Kasper (ed). *Strategies in Interlanguages Communication*. London: Longman.
- Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya & Rohaidah Harun. (2021). Daya Ujaran Dalam Wacana Perutusan Perdana Menteri Mengenai COVID-19. *Pendeta Jurnal of Malay Language, Education and Literature*. 12, 70-80.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.7.2021>.
- Teks Ucapan Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+).
<https://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=muhyiddin&id=4663>.
- Troike. M.S. (1991). *Etnografi Komunikasi Suatu Pengenalan* (Terj. Ajid Che Kob). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.